

**NO. SOALAN : 362**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN**  
**[ PENGKALAN CHEPA ]**

**SOALAN**

**Dr. Haji Izani bin Haji Husin [ Pengkalan Chepa ] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) berapakah jumlah permit teksi individu dan jumlah permit teksi syarikat di seluruh negara mengikut negeri-negeri di Malaysia; dan
- (b) apakah Kerajaan akan memberikan keutamaan kepada permit teksi individu.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah permit teksi individu di seluruh negara adalah sebanyak 33,051 manakala jumlah permit teksi bukan individu syarikat adalah sebanyak 28,047. Jumlah pemilikan mengikut negeri adalah seperti berikut:

(i) Permit Teksi Individu (Milikan Tunggal)

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN</b>
Johor	5,586
Kedah	2,750
Kelantan	1,774
Melaka	1,052
N. Sembilan	1,495
Pahang	1,537
Perak	2,002
Perlis	364
Pulau pinang	1,472
Selangor	8,057
Terengganu	758
W.P. Kuala Lumpur	6,153
W.P. Putrajaya	51

(ii) Permit Teksi Bukan Individu

NEGERI	Jenis Milikan				
	Perkongsian	Koperasi	Persatuan	Berhad	Sdn. Bhd
Johor	159	423	34	335	1,296
Kedah	25	203	26	8	32
Kelantan	14	14	22	12	1
Melaka	5	58	1	1	70
N. Sembilan	19	89	40	11	59
Pahang	11	114	52	0	86
Perak	94	179	56	30	149
Perlis	3	19	3	0	2
Pulau pinang	26	171	0	0	198
Selangor	112	223	51	100	7,942
Terengganu	3	7	21	0	5
W.P. Kuala Lumpur	130	659	14	967	13,873
W.P. Putrajaya	0	150	0	0	0

2. Kelulusan pemberian lesen adalah berdasarkan kriteria kelayakkan yang telah ditetapkan dan tiada peruntukan khas akan diberikan kepada mana-mana jenis milikan. Kelonggaran kelayakkan dari segi modal mungkin akan diberi pertimbangan kepada pemohon individu bagi membantu mereka yang menghadapi kesukaran penyediaan modal. Penetapan kriteria ini amat penting untuk memastikan mereka yang benar-benar layak diberikan lesen untuk menjalankan operasi teksi. Ini juga bagi membendung

penyalahgunaan lesen untuk tujuan pajakan dan tidak memberikan perkhidmatan seperti yang telah disyaratkan.

3. Walaubagaimanapun, buat masa ini Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) tidak lagi mengeluarkan lesen teksi baru, khususnya teksi bermeter, kerana jumlah penawaran teksi telah melebihi permintaan.

Sekian, terima kasih.